

PERBANDINGAN KURIKULUM SARJANA MUDA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (SMPAKK) ANTARA DUA UNIVERSITI SWASTA DI MALAYSIA

THE COMPARISON OF CHILDHOOD EDUCATION BACHELOR PROGRAMME BETWEEN TWO PRIVATE UNIVERSITIES IN MALAYSIA

Peter Ong¹
Christina Sim Pei Pei²
Md Jais Ismail³

¹ Cluster Of Education And Social Sciences, Open University Malaysia, Kuala Lumpur Learning Centre
(E-mail: peterong2222@gmail.com)

² Cluster Of Education And Social Sciences, Open University Malaysia, Tawau Learning Centre
(Email: christinasimpp@gmail.com)

³ Conservatory of Music, College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia,
(E-mail: mdjais@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 11-5-2022
Revised date : 12-5-2022
Accepted date : 25-6-2022
Published date : 14-7-2022

To cite this document:

Ong, P., Pei Pei, C. S., & Ismail, M. J. (2022).
Perbandingan Kurikulum Sarjana Muda Pendidikan
Awal Kanak-Kanak (SMPAKK) Antara Dua Universiti
Swasta Di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial
(JOSSR)*, 5(15), 10 - 22.

Abstrak: Struktur kurikulum pendidikan awal kanak-kanak di peringkat universiti merupakan aspek yang sangat penting demi melahirkan graduan berkualiti dan berkemahiran dalam bidang ini. Hal ini seterusnya menyumbang ke arah landskap pendidikan awal kanak-kanak komprehensif dan holistik seiring dengan matlamat pendidikan negara. Kajian ini bertujuan untuk membanding kurikulum pendidikan awal kanak-kanak antara dua universiti swasta di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes di mana sampel kajian terdiri daripada dua orang ketua program bagi kursus Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak (SMPAKK). Subjek berkhidmat di dua buah universiti swasta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Pengumpulan data menggunakan temu bual mendalam secara semi berstruktur yang melibatkan tiga soalan yang telah melalui proses validasi. Data temu bual dianalisis melalui kaedah tematik di mana respon daripada subjek kajian direkod dan ditranskripsi dalam bentuk verbatim. Data kemudian diproses dan diterjemah ke dalam bentuk teks. Dapatan kajian menunjukkan struktur kurikulum bagi kedua-dua universiti adalah berbeza. Didapati tempoh masa pengajian, yuran pengajian dan kos pengurusan di Universiti A adalah lebih baik berbanding Universiti B. Universiti A menawarkan tempoh pengajian yang sesuai dengan kredit bagi kursus yang ditawarkan, yuran pengajian yang berpatutan serta kos pengurusan yang menjimatkan. Ketiga-tiga faktor ini telah menjadikan Universiti A sebagai pilihan pelajar. Penyelidik mencadangkan supaya kajian berkaitan faktor pengukuhan bidang pendidikan awal kanak-kanak di universiti awam dan swasta dijalankan pada masa hadapan.

Kata Kunci: *kualitatif; kurikulum; pendidikan tinggi; temu bual; Pendidikan awal kanak-kanak*

Abstract: *The structure of the early childhood education curriculum at the university level is a very important aspect in order to produce quality and skilled graduates in this field. This in turn contributes towards a comprehensive and holistic early childhood education landscape in line with national educational goals. This study aims to compare the curriculum of early childhood education between two private universities in Malaysia. This study uses a case study approach where the respondents are the two program coordinators for the Bachelor of Early Childhood Education course from the two private universities in the Federal Territory of Kuala Lumpur and Selangor. Data is collected using semi-structured in-depth interviews with three questions that have been validated. Thematic analysis is used to examine interview data, in which information from respondents is captured and transcribed into verbatim. The information is then checked and interpreted into text. The study's findings reveal that the two universities' curriculum structures are distinct. The time of study, tuition fees, and administration costs at University A are shown to be superior to those at University B. University A provides a proper time of study with credit for the courses offered, inexpensive tuition fees, and low administrative expenditures. Because of all three of these considerations, students have chosen University A. Researcher suggests that studies related to the factors of strengthening the field of early childhood education in public and private universities be conducted in the future.*

Keywords: *Qualitative; curriculum; higher education; interview; early childhood education*

Pengenalan

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam menyediakan generasi baru yang mempunyai daya ketahanan menghadapi cabaran aspek fizikal dan mental (Sciaraffa et al., 2018). Perkembangan kanak-kanak akan melalui proses perkembangan yang laju pada peringkat awal umur iaitu dua hingga enam tahun berbanding dengan peringkat umur yang lebih dewasa. 90% perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor kanak-kanak adalah sebelum umur 6 tahun. Justeru, fokus pendidikan prasekolah adalah untuk menyediakan peluang pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada kanak-kanak. Fokus utamanya adalah proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) yang berpusatkan kanak-kanak. Pelbagai kaedah pembelajaran yang menarik dan yang berkualiti telah digunakan oleh para guru prasekolah untuk menarik minat kanak-kanak. Guru-guru prasekolah harus mengambil peranan yang penting dalam mendidik kanak-kanak pada peringkat awal umur agar dapat membantu meningkatkan perkembangan secara holistik dan seimbang (Norly, 2019). Maka kelayakan akademik pendidik pendidikan awal kanak-kanak turut menjadi salah satu pertimbangan penting untuk memastikan kualiti pendidik pendidikan awal kanak-kanak.

Tempoh selama lapan tahun adalah untuk perkembangan otak kanak-kanak. Semasa peringkat awal kanak-kanak, pembelajaran mereka dan perkembangan mental, emosi dan sosial adalah penting. Justeru, pendidikan awal kanak-kanak dianggap sebagai pelaburan yang sangat penting oleh ibu bapa untuk anak-anak mereka. Pendidikan awal menyediakan generasi yang mempunyai daya tahan untuk menghadapi cabaran dari aspek fizikal dan mental, fokus dan mengembangkan kekuatan intelektual. Selain itu, pembangunan negara bermula dengan pendidikan. Oleh itu, pendidikan awal adalah penting untuk kanak-kanak sejak mereka dilahirkan (Shiqah, 2019).

Ibu bapa bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan asas yang baik kepada anak-anak mereka. Semasa zaman dahulu, pendidikan awal kanak-kanak tidak dianggap penting sebelum mereka memulakan sekolah pada umur tujuh tahun di darjah satu. Pada zaman sekarang, ramai ibu bapa mendaftarkan anak-anak mereka di prasekolah dari usia empat hingga enam tahun. Kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan awal kanak-kanak adalah positif (Ans, 2020). Sekolah pula berperanan dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan menyeronokkan buat kanak-kanak dengan menjalankan aktiviti seperti muzik dan permainan yang dapat meningkatkan kognitif, koordinasi dan psikomotor kanak-kanak (Anuar & Ismail, 2021; Md Jais, 2017)

Pendidik pendidikan awal kanak-kanak merupakan satu kerjaya yang baharu dalam era globalisasi (Olmos, 2020). Peningkatan bilangan prasekolah merupakan satu petunjuk yang baik terhadap kelestarian program pendidikan prasekolah di Malaysia. Namun, terdapat isu yang timbul apabila perbezaan jenis prasekolah di Malaysia menawarkan struktur pendidikan yang berbeza dari aspek kurikulum, persekitaran pembelajaran, kelayakan guru prasekolah dan bahan pembelajaran. Di negara kita terdapat empat agensi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan pendidikan prasekolah iaitu (1) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), (2) Jabatan Perpaduan Negara (PERPADUAN), (3) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan (4) Jabatan Agama Islam Negeri. Dapatan kajian Muda et al. (2018) telah menunjukkan lima faktor utama yang menyumbang kepada kualiti prasekolah iaitu (1) nilai-nilai sekolah, (2) persekitaran sekolah, (3) kesihatan dan kesejahteraan, (4) guru-guru prasekolah dan (5) kemudahan-kemudahan. Kerjaya guru pendidikan awal kanak-kanak kini telah ditambah baik dan lebih berstruktur.

Kerjaya pendidik pendidikan awal kanak-kanak dalam negara Malaysia makin berkembang. Sebelum itu, kelayakan guru-guru prasekolah adalah tidak bertauliah. Dengan kelulusan darjah enam, kelulusan tingkatan tiga atau kelulusan tingkatan lima telah diluluskan untuk menjadi guru-guru prasekolah. Keperluan pendidik yang bertauliah menjadi rebutan pasaran setelah pengumuman peningkatan kelayakan pendidik prasekolah diwajibkan pada tahap diploma. Penambahbaikan sistem pendidikan awal kanak-kanak ke atas kelayakan pendidik prasekolah adalah bertujuan melatih mereka yang mempunyai ketrampilan dan kelayakan yang bertauliah dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Justeru, penambahbaikan ini adalah menyahut cabaran keperluan semasa dunia yang semakin menuju ke arah Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) (Norfazah et al. 2017). Oleh itu, pendidik pendidikan awal kanak-kanak memikul tanggungjawab dalam membimbing dan mendidik kanak-kanak yang telah dipertanggungjawab sepenuhnya kepada mereka.

Objektif

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- I. Mengenal pasti perbezaan struktur penawaran program SMPAKK Universiti A dengan program SMPAKK Universiti B?
- II. Mengenal pasti perbezaan mod pembelajaran program SMPAKK Universiti A dengan program SMPAKK Universiti B?
- III. Mengenal pasti perbezaan mod pentaksiran program SMPAKK Universiti A dengan program SMPAKK Universiti B?

Kajian Literatur

Pendidikan awal kanak-kanak didefinisikan sebagai program yang direka khas untuk kanak-kanak berumur antara empat hingga enam tahun. Pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia melibatkan kanak-kanak berumur di bawah enam tahun dengan istilah prasekolah, taska, tadika atau tabika. Kanak-kanak di peringkat usia ini akan menerima suasana pembelajaran yang sesuai dengan usia mereka, yang diajar oleh guru-guru prasekolah yang berpengalaman dan berkelayakan (Shiqah, 2019). Kurikulum pendidikan awal kanak-kanak turut diperluaskan dan tidak merangkumi standard pembelajaran berbentuk akademik sahaja. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) menyediakan standard kandungan dan standard pembelajaran yang mendedahkan serta membantu meningkatkan perkembangan dalam pembinaan akhlak, nilai-nilai sikap dan kerohanian, kognitif, afektif dan psikomotor kanak-kanak. Objektif utama KSPK adalah untuk melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan dalam memimpin, berdikari dan berintelekt (KPM, 2021).

Konsep utama dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) adalah membantu meningkatkan perkembangan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam semua aspek perkembangan. Antaranya adalah jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui interaksi bersama persekitaran kehidupan. Pendidik PAKK memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk proses pembelajaran yang menarik, kreatif dan bermakna. Sehubungan dengan itu, pendidik prasekolah bertanggungjawab dalam membina dan memupuk konsep sendiri kanak-kanak agar mereka bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran pada masa akan datang (KPM, 2021).

Pendidik PAKK harus menekankan kemahiran berfikir kanak-kanak agar mereka berupaya berfikir di luar kotak dalam membuat pertimbangan dan menyelesaikan masalah. Selain itu, pendidik PAKK juga perlu mendedahkan pembelajaran kesihatan dan keselamatan diri agar kanak-kanak dapat mengetahui situasi yang berbahaya dan mampu untuk mengelak dari sebarang kemalangan. Seterusnya, pendidik PAKK perlu memperkenalkan hubungan kanak-kanak dengan komuniti antarabangsa yang dapat mendedahkan kanak-kanak kepada dunia luar selain dunia mereka sendiri. Pengenalan pendidikan kewarganegaraan secara global adalah penting agar mereka sedar akan isu-isu globalisasi yang sedang berlaku (KPM, 2021).

Ramai pakar pediatrik bersetuju bahawa menyertai prasekolah akan mempersiapkan kanak-kanak untuk menyertai sekolah rendah. Sebenarnya, terdapat banyak kajian yang membuktikan bahawa kanak-kanak memperoleh banyak pengetahuan di prasekolah sebelum mereka menyertai sekolah rendah. Kanak-kanak prasekolah juga akan terdedah kepada angka, huruf dan bentuk, yang merupakan pengetahuan asas. Selain itu, mereka belajar bagaimana berinteraksi dengan rakan sebaya dan warga dewasa (guru prasekolah) (Shiqah, 2019). Kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun sering menunjukkan rasa ingin tahu dan sering bertanya seperti mengapa burung terbang di sekitar mereka atau bagaimana ikan dapat bertahan di dalam air. Oleh itu, kanak-kanak didedahkan kepada banyak pengetahuan dan pengalaman semasa di prasekolah (Ans, 2020).

Pendidikan kini perlu dititikberatkan pada usia yang awal agar dapat melahirkan insan yang berkualiti dan perkembangan yang seimbang. Perkembangan secara holistik merangkumi tiga aspek iaitu kognitif, afektif dan psikomotor (Mutalib et al., 2021). Sehubungan dengan itu, pendidikan awal kanak-kanak merupakan suatu proses pembelajaran berterusan. Pendedahan pengalaman baru dan pengetahuan, pembelajaran melalui interaksi bersama persekitaran agar dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran untuk diaplikasikan ke dalam kehidupan

seharian pada masa akan datang. Kesyediaan kanak-kanak dalam menghadapi cabaran yang semakin mencabar mengikut keperluan semasa globalisasi. Aktiviti pendidikan seharusnya mampu memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak dan kandungannya mestilah setara dengan tahap mental kanak-kanak (Md Jais & Azu, 2020; Ismail et al., 2020).

Menurut Morrison (2011), kanak-kanak lahir ke dunia ibarat kain putih yang bersih dan ianya perlu dicorakkan oleh kedua ibu bapa. Hasil corak yang berjaya dicorak merupakan kelahiran tunjang generasi negara pada masa depan. Justeru, pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam mencorak dan menentukan hala tuju masa depan kanak-kanak. Pendidik PAKK memainkan peranan penting dalam mendedahkan pelbagai pengalaman dan kemahiran kepada kanak-kanak. Pendidik PAKK yang bertauliah dan berkualiti dapat memastikan PAKK dapat disalurkan melalui kaedah dan pendekatan yang betul. Sehubungan dengan itu, pendidik PAKK akan membimbing dan mendidik kanak-kanak berteraskan kepada teori perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor kanak-kanak. Tugas pendidik PAKK bukannya satu perkara yang mudah hendak dilaksanakan sekiranya mereka tidak mempunyai kelayakan yang setaraf dengan keperluan yang diiktirafkan. Justeru, ramai pendidik PAKK telah mendaftar dan mengikuti program diploma PAKK dan SMPAKK untuk menaiktaraf kelayakan agar ianya selaras dengan ketetapan kerajaan dalam kelayakan pendidik PAKK (KPM, 2021).

Teori Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Bermain adalah fitrah kanak-kanak. Melalui bermain, kanak-kanak akan memaparkan kegembiraan dan kepuasan di wajah mereka (Emen & Sığirtmaç, 2021). Dengan kata lain, bermain merupakan pekerjaan kanak-kanak dan kanak-kanak bermain untuk mempelajari suatu kemahiran. Justeru, orang dewasa tidak perlu memberikan penekanan khusus dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana kanak-kanak mampu belajar melalui bermain (Montessori, 1973). Bahasa dan pemikiran kanak-kanak akan berkembang. Kanak-kanak akan mempelajari suatu kemahiran yang baharu dan meningkatkan kemahiran yang sedia ada semasa bermain. Orang dewasa perlu memberi peluang dan kebebasan kepada kanak-kanak untuk mencuba serta menghadapi dunia yang sebenar. Melalui pengalaman yang dilalui dalam permainan, ianya mampu mencungkil kreativiti kanak-kanak dalam menyelesaikan masalah. Justeru, ruang pembelajaran kanak-kanak adalah sangat luas dan orang dewasa harus memberi ruang pembelajaran kepada mereka untuk meningkatkan bakat sedia ada mereka (Vygotsky, 1978). Justeru, pendidik PAKK perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam ke atas teori PAKK apabila menceburi bidang ini. Pemahaman teori PAKK yang mendalam mampu membantu pendidik melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti.

Menurut teori perkembangan kognitif Piaget (1972), proses pemikiran kanak-kanak berubah secara menyeluruh bermula selepas lahir sehingga mereka mencapai kematangan. Setiap kanak-kanak akan merasa terdorong untuk belajar dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di persekitaran mereka. Mereka boleh mengadaptasi dengan situasi meneroka, menguji, memerhati dan situasi yang baru dialami, untuk menyusun maklumat yang diperolehi. Perkembangan kognitif merupakan proses pemikiran yang dipengaruhi oleh pergaulan dengan orang-orang persekitaran seperti ibu bapa, adik beradik, rakan, guru.

Vygotsky (1978) percaya bahawa perkembangan kognitif dipengaruhi oleh faktor persekitaran, sosial dan budaya. Perkembangan kognitif berlaku melalui interaksi sosial ibu bapa, guru, rakan, orang dewasa lain, sekolah dan lain-lain sumber. Menurut Vygotsky (1978), bayi dilahirkan dengan fungsi mental asas tertentu iaitu perhatian, sensasi, persepsi dan ingatan. Teori sosio budaya Vygotsky (1978) menjadikannya dikenali sebagai psikologi pendidikan.

Teori ini juga menegaskan bahawa perkembangan kanak-kanak bergantung pada interaksi mereka dengan orang di sekelilingnya, yang merupakan alat untuk menyebarkan budaya yang membantu mereka membina visi persekitaran mereka. Vygotsky berpendapat bahawa sosiobudaya ditransmisikan dengan tiga cara, iaitu melalui belajar dari meniru; mengingat dan memahami diri sendiri dan belajar melalui kerjasama kumpulan. Hal ini dibuktikan oleh kajian Md Jais et al. (2018) di mana kanak-kanak belajar mengkoordinasi kemahiran muzik melalui peniruan dan aktiviti berkumpulan. Teori ini adalah gabungan teori persekitaran kognitif dan sosial. Kanak-kanak mempunyai tahap pemikiran dan tingkah laku yang lebih tinggi apabila mereka berinteraksi dengan orang yang lebih berpengetahuan daripada mereka. Vygotsky percaya bahawa interaksi sosial adalah asas perubahan pemikiran dan tingkah laku kanak-kanak. Pemikiran dan tingkah laku inilah yang membezakan budaya.

Vygotsky (1978) turut bersetuju dengan teori Piaget bahawa perkembangan kognitif berlaku secara bertahap dan dicirikan dengan gaya berfikir yang berbeza-beza. Pakar pediatrik melakukan pelbagai kajian. Ternyata kanak-kanak yang memulakan kursus pendidikan prasekolah dapat belajar lebih banyak daripada kanak-kanak yang masuk terus ke sekolah rendah. Di sekolah rendah, kanak-kanak ini akan terdedah kepada angka, huruf dan bentuk yang serupa dengan apa yang mereka pelajari di tadika. Di samping itu, kanak-kanak belajar bergaul dengan rakan sebaya dan guru-guru mereka. Biasanya, kanak-kanak prasekolah belajar bergaul, berkongsi dan bertoleransi dengan rakan. Selain itu, kanak-kanak juga belajar menghormati orang lain dan menyelesaikan masalah. Prasekolah menyediakan persekitaran untuk kanak-kanak memahami diri mereka sendiri, membina watak positif, dan meningkatkan keyakinan diri (Ans, 2020).

Program Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SMPAKK)

Menurut maklumat yang diperoleh dari Pusat Latihan Tenaga Pengajar (2020), program SMPAKK ditawarkan kepada graduan atau diploma Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan kepada orang dewasa yang berminat untuk bekerja dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, terutama para pendidik dan usahawan di taska dan prasekolah. Program ini sesuai untuk pelajar yang ingin belajar mengenai bidang sosiologi dan psikologi awal kanak-kanak. Pelajar mendapat latihan teori dan praktikal asas yang baik untuk mempersiapkan mereka menjadi tenaga pengajar yang berkualiti.

Program ini ditawarkan untuk memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2021), yang memerlukan guru prasekolah untuk memiliki sekurang-kurangnya diploma dalam pendidikan awal kanak-kanak pada tahun 2020. Tujuan program yang ditawarkan adalah untuk mendedahkan pelajar dalam menerapkan pengetahuan dan pengalaman kepada kanak-kanak: kanak-kanak yang berbeza dari segi budaya dan kemahiran untuk melaksanakan pengajaran dan interaksi yang positif dan berkesan sejak lahir hingga 6 tahun. Sarjana Muda Pendidikan - Pendidikan Awal Kanak-kanak (Kepujian) adalah kursus yang bertujuan untuk memberikan kemahiran yang diperlukan untuk melibatkan kanak-kanak dengan cara kreatif, termasuk melalui komunikasi dan bermain. Bidang pengajian mempersiapkan pelajar untuk memasuki profesion perguruan di awal kanak-kanak atau prasekolah, serta pilihan kerjaya yang memberikan kepuasan kerja yang melibatkan minda muda.

Norly (2019) telah menjalankan kajiannya berkaitan dengan motivasi dan penceritaan digital interaktif dalam pendidikan awal kanak-kanak. Masnan et al. (2019) pula menjalankan kajian mereka berkaitan dengan pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. Selain itu, Wigati dan Wiyani (2020) telah menjalankan kajian mereka yang berkaitan dengan kreativiti

guru dalam membuat alat permainan berpendidikan daripada barang buangan. Seterusnya, Hazirah dan Dzainudin, (2020) telah menjalankan kajian mereka berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran prasekolah secara bertalian semasa pandemik Covid19. Selain itu, Muda et al. (2018) telah menjalankan kajian mereka berkaitan dengan kualiti perkhidmatan pendidikan prasekolah awam di Malaysia dari sudut persepsi ibubapa.

Metodologi

Kajian ini dijalankan secara kajian kes melibatkan dua orang subjek terdiri daripada koordinator program SMPAKK dari dua buah universiti swasta di Malaysia. Universiti swasta dipilih kerana syarat kemasukan adalah lebih luwes seterusnya dapat menarik mana-mana individu untuk mengambil kursus yang ditawarkan. Sampel dipilih melalui persampelan mudah (*convenience*) di dua buah lokasi di mana Universiti A terletak di Kuala Lumpur manakala Universiti B terletak di Selangor. Maklumat subjek kajian adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Profil Responden

Responden	Umur	Jantina	Bidang	Pengalaman Kerja	Universiti	Lokasi Universiti
R1	43	Lelaki	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	14 tahun	A	Kuala Lumpur
R2	45	Lelaki	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	16 tahun	B	Selangor

Kajian ini menggunakan instrumen temu bual secara berstruktur di mana tiga aspek berkenaan perbandingan kurikulum telah melalui proses pengesahan pakar. Aspek-aspek perbandingan kurikulum diutarakan dalam soalan temubual di mana soalan pertama menyentuh aspek sejauh manakah perbezaan struktur penawaran program SMPAKK Universiti A dengan program SMPAKK Universiti B? Kedua, sejauh manakah perbezaan mod pembelajaran program SMPAKK Universiti A dengan program SMPAKK Universiti B? Ketiga, sejauh manakah perbezaan mod pentaksiran program SMPAKK Universiti A dengan program SMPAKK Universiti B? Data temubual dianalisis secara tematik di mana respon daripada subjek kajian direkod dan ditranskripsi dalam bentuk verbatim. Data kemudian diproses di mana isi penting temubual diambil dan isi yang tidak penting digugurkan. Isi-isi penting temubual diterjemah ke dalam bentuk teks. Hal ini selari dengan analisis data temubual yang telah dijalankan Ismail et al. (2021).

Dapatan Dan Perbincangan

Perbezaan Struktur Penawaran Program SMPAKK Antara Universiti A dan B

Menurut R1, setiap kursus yang ditawarkan dalam program SMPAKK di Universiti A memerlukan 40 jam pembelajaran bagi setiap jam kredit. Justeru setiap pelajar perlu menyiapkan masa pembelajaran sebanyak 120 jam untuk memperolehi 3 jam kredit yang penuh. Ianya adalah berdasarkan kepada ketetapan piawai MQA (MQA, KPM, 2014). Antara aktiviti pembelajaran yang disarankan oleh Universiti A adalah seperti berikut: pertemuan, perbincangan atas talian, pembelajaran sendiri, tugasan individu dan peperiksaan akhir. R1

menyatakan bahawa mod program SMPAKK Universiti A adalah berbentuk *Open Distance Learning*. Pelajar hanya mengikuti setiap kursus secara sambilan iaitu sebanyak tiga kali pertemuan dan setiap pertemuan adalah selama 2 jam. Walaupun masa pembelajaran secara bersemuka adalah singkat dan ianya berkemungkinan tidak mencukupi. Pelajar boleh berinteraksi dengan *e-tutor* mengadakan perbincangan atas talian. Selebihnya adalah pembelajaran sendiri bagi pelajar. Bentuk program ini adalah memudahkan pelajar yang berkerja sepenuh masa. Mereka boleh belajar sambil bekerja dan menetapkan masa pembelajaran ikut kesesuaian ruang individu.

R2 pula menjelaskan setiap kursus yang ditawarkan dalam program SMPAKK Universiti B memerlukan 40 jam pembelajaran bagi setiap jam kredit. Justeru setiap pelajar perlu menyiapkan masa pembelajaran sebanyak 120 jam untuk memperolehi 3 jam kredit yang penuh. Ianya adalah berdasarkan kepada ketetapan piawai MQA (MQA, KPM, 2014). Setiap kursus yang ditawarkan oleh Universiti B memperuntukkan masa pembelajaran sebanyak 120 jam. Sehubungan dengan itu, Universiti B telah menyediakan jadual aktiviti pembelajaran yang menjadi sebagai panduan kepada pelajar untuk menyiapkan 120 jam bagi setiap kursus. Antara aktiviti pembelajaran yang disarankan oleh Universiti B adalah seperti berikut pertemuan, pembelajaran sendiri, tugas individu, tugas berkumpulan, pembentangan dan peperiksaan akhir. Menurut R2, program SMPAKK Universiti B adalah berbentuk konvensional. Pelajar mengikuti setiap kursus sepenuh masa iaitu sebanyak 14 kali pertemuan dan setiap pertemuan adalah selama 3 jam dan jumlah keseluruhan pertemuan adalah sebanyak 42 jam. Selain itu, Universiti B turut menyediakan masa pembelajaran sendiri sebanyak 28 jam. Terdapat 3 ugasan bagi setiap kursus yang ditawarkan dalam program SMPAKK Universiti B iaitu tugas individu, tugas berkumpulan dan pembentangan. Jadual 1 menunjukkan peruntukkan masa pembelajaran yang ditetapkan oleh Universiti B. Jadual 2 menunjukkan perbezaan penawaran program SMPAKK antara Universiti A dan Universiti B.

Jadual 2: Perbezaan penawaran program SMPAKK antara Universiti A dan Universiti B

Struktur Kurikulum	Universiti A		Universiti B	
	MOD	JAM	MOD	JAM
Pertemuan	<i>F2f</i> (face to face)	10	<i>F2f</i>	42
Perbincangan Talian	Atas <i>Nf2f</i> (non face to face)	12	<i>Nf2f</i>	0
Pembelajaran Kendiri	<i>Nf2f</i>	63	<i>Nf2f</i>	28
Tugasan	<i>F2f</i> <i>Nf2f</i>	10	<i>F2f</i> <i>Nf2f</i>	34
Peperiksaan Akhir	<i>F2f</i> <i>Nf2f</i>	15	<i>F2f</i> <i>Nf2f</i>	16
Jumlah		120		120

Perbezaan Mod Pembelajaran Program SMPAKK Antara Universiti A dan B

Setiap institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) perlu memastikan reka bentuk kurikulum dalam setiap program yang ditawarkan di mana setiap program mempunyai susunan modul yang distruktur dengan baik. Penstrukturan modul adalah bermaksud setiap susunan modul mempunyai penstrukturan tajuk, sub-tajuk dan masa yang seimbang dalam mencapai hasil pembelajaran yang optima. Justeru, IPTS perlu merancang dan membangunkan program yang

mencerminkan amalan baik mengikuti keperluan semasa serta mencapai standard pembelajaran yang tinggi. Antara yang disarankan dalam perancangan dan pembangunan modul harus merangkumi badan pengetahuan yang dipecahkan kepada dua bahagian iaitu bidang pengetahuan teras dan bidang pengetahuan elektif (MQA, KPM, 2014).

Mod pembelajaran program SMPAKK antara Universiti A dan Universiti B adalah berbeza. Menurut R1, setiap kursus yang ditawarkan dalam program SMPAKK Universiti A mempunyai 10 topik manakala menurut R2, Universiti B mempunyai 14 topik. Kedua-dua IPTS mengamalkan mod pembelajaran secara bersemuka dan tidak bersemuka. Terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua IPTS iaitu masa pembelajaran Universiti A menetapkan bersemuka selama 6 jam sahaja manakala Universiti B menetapkan bersemuka selamena 42 jam. Justifikasi ke atas perbezaan masa bersemuka adalah disebabkan dengan mod tawaran program adalah berbeza iaitu Universiti A mengamalkan pembelajaran atas talian manakala Universiti B mengamalkan pembelajaran sepenuh masa.

Menurut R1, Universiti A menyediakan 6 jam untuk pertemuan bersemuka sebanyak 3 kali dengan pelajar. Setiap kali perjumpaan adalah sebanyak 2 jam pertemuan dan tutor mengadakan sesi tutorial bersama pelajar untuk membincangkan isu dan kandungan pembelajaran. Dalam masa 6 jam tersebut, tutor berusaha untuk menghabiskan perbincangan ke atas kesemua 10 topik bagi setiap modul. Sekiranya terdapat kekangan masa untuk menghabiskan perbincangan kesemua 10 topik, pelajar disarankan untuk menyambung perbincangan atas talian dan pembelajaran sendiri untuk meningkatkan pemahaman ke atas setiap topik dalam modul. Mod pembelajaran di Universiti A adalah lebih menjurus kepada teoritikal kerana majoriti pelajar yang mengikuti program SMPAKK adalah terdiri daripada kalangan pekerja sepenuh masa dalam bidang yang berkaitan. Justeru, peningkatan ilmu dalam mengikuti pengajian program SMPAKK adalah untuk mempelajari dan mengetahui lebih mendalam ke atas ilmu dan teori yang terdapat dalam bidang PAKK.

Universiti A menggunakan kelas Google untuk pembelajaran atas talian. Menurut ketua program SMPAKK Universiti A, kelas Google dianggap sebagai salah satu platform terbaik untuk meningkatkan aliran kerja pensyarah. Kelas Google membantu pensyarah menjimatkan masa, mengatur pelajaran, dan meningkatkan komunikasi dengan pelajar. Ia dapat diakses oleh semua orang dengan Google Apps untuk pendidikan, rangkaian alat produktiviti percuma seperti Gmail, Drive, dan Dokumen. Menurut ketua program SMPAKK Universiti A lagi, kelas Google bertujuan untuk membantu pensyarah mengurus pengumpulan tugas pelajar dalam persekitaran tanpa kertas, yang terutamanya mendapat manfaat daripada Google Docs, Drive, dan kerangka aplikasi lain. Kelas Google membolehkan pensyarah meluangkan lebih banyak masa dengan pelajarannya dan lebih sedikit masa untuk membuat kertas kerja. Menurut teknologi yang terkini, Google membawa fungsi baru ke kelas Google. Ciri-ciri baru merangkumi kemampuan untuk menambah lebih dari satu pembesar suara, serta menyediakan pelajaran lebih awal.

Menurut R2, Universiti B menyediakan 42 jam untuk pertemuan bersemuka dengan pelajar dan pensyarah akan mengadakan sesi pembelajaran bersama pelajar. Setiap kali pertemuan bersama pelajar adalah sebanyak 3 jam dan setiap kali pertemuan akan membincangkan 1 topik dalam modul. Sehubungan dengan itu, pelajar juga diperuntukkan 28 jam untuk sesi pembelajaran sendiri iaitu sesi tidak bersemuka. Mod pembelajaran di Universiti B adalah lebih menjurus kepada pratikal kerana majoriti pelajar yang mengikuti program SMPAKK adalah terdiri daripada kalangan pelajar lepasan SPM atau STPM. Mereka merupakan pelajar

yang ingin mengejar cita-cita dan membina bidang kerjaya yang berkecayaan setelah tamat pengajian. Justeru, mereka memerlukan latihan pratikal dalam bidang yang berkaitan. R2 menjelaskan Universiti B menyediakan bilik kelas abad ke-21 dalam pembelajaran sepenuh masa. Berdasarkan temu bual dengan ketua program SMPAKK Universiti B, Universiti B menggunakan bilik darjah abad ke-21 yang menerapkan integrasi teknologi di mana pelajar dan pensyarah dapat menggunakan teknologi seperti komputer riba, iPad dan telefon pintar untuk mencapai tujuan mereka dengan cara yang berbeza. Bilik darjah dipenuhi dengan persekitaran kolaboratif di mana kolaborasi antara pelajar mendorong idea baru untuk dikembangkan dan mendedahkan pelajar kepada sudut pandangan yang bertentangan. Ia memberi peluang untuk ekspresi kreatif dalam pembelajaran pelajar di dalam kelas untuk membina keyakinan. Di samping itu, kelas membuat pendekatan berdasarkan pertanyaan di mana pelajar dapat menghadapi topik baru dalam konteks menjawab soalan dengan yakin dan pendekatan inkuiri. Pelajar mempunyai justifikasi tersendiri untuk semua jawapan dari pelbagai sudut dan mengetahui apa yang sebenarnya mereka percayai. Bilik darjah abad ke-21 membantu pelajar mengukuhkan pembelajaran secara metakognitif, dan membolehkan mereka menulis untuk mencerminkan apa yang telah mereka pelajari.

R2 mengulas lanjut bahawa pelajar menggunakan blog untuk memikirkannya. Blog membantu pelajar mempelajari kaedah penyelesaian masalah dan pembelajaran langsung. Ini adalah peluang untuk berhubung dengan dunia luar untuk meningkatkan hasil pelajar. Bilik darjah abad ke-21 tidak lagi menyokong idea bahawa pensyarah adalah tenaga mengajar yang berwibawa yang berdiri di hadapan pelajar yang menulis di papan hitam. Sebaliknya, mereka adalah moderator dan fasilitator yang menyokong dan mendorong perjalanan pendidikan para pelajar. Bilik darjah abad ke-21 memberikan penilaian yang lancar, di mana pelajar membuat hubungan yang lebih kuat dengan bahan dan portfolio, projek, penilaian formatif, dan rubrik yang dapat membantu mencapai matlamat tersebut.

Perbezaan Mod Pentaksiran Program SMPAKK Universiti A Dengan Universiti B

Pentaksiran merupakan komponen penting bagi setiap pelajar untuk menilai tahap penguasaan keseluruhan pelajar bagi setiap kursus yang ditawarkan. Namun sedemikian setiap IPTS mempunyai pentaksiran yang berbeza. Pentaksiran pelajar merupakan satu aspek yang memainkan peranan penting dalam menjamin kualiti kerana ianya mampu mendorong proses pembelajaran pelajar. Pentaksiran merupakan satu langkah yang paling berguna dan memudahkan untuk menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran suatu kursus tertentu. Hasil pentaksiran turut boleh dijadikan sebagai piawai penganugerahan kelayakan bagi pelajar. Justeru, kaedah pentaksiran pelajar haruslah jelas, objektif, konsisten, berkesan, dipercayai, reabiliti dan selari dengan amalan terkini dalam membantu pelajar dalam pencapaian hasil pembelajaran.

Jadual 3 menunjukkan perbezaan mod pentaksiran program SMPAKK bagi Universiti merangkumi markah sebanyak 60% manakala peperiksaan akhir merangkumi markah sebanyak 40% dan secara keseluruhan adalah sebanyak 100%. Sementara itu, Universiti B menetapkan 4 jenis pentaksiran iaitu tugas individu, tugas kumpulan, pembentangan dan peperiksaan akhir. Tugas individu merangkumi markah sebanyak 20%, tugas kumpulan merangkumi markah sebanyak 20%, pembentangan merangkumi markah sebanyak 30% manakala peperiksaan akhir merangkumi markah sebanyak 30%. Secara keseluruhan adalah sebanyak 100%. Kedua-dua IPTS menetapkan markah pentaksiran mengikut piawai pemarkahan yang disarankan oleh MQA. MQA menyarankan pentaksiran

formatif adalah terletak dalam lingkungan 40%-70% manakala pentaksiran sumatif adalah dalam lingkungan 30%-60% (MQA, KPM, 2014).

Jadual 3: Perbezaan mod pentaksiran program SMPAKK antara Universiti A dan Universiti B

Jenis Penis Pentaksiran	Universiti A			Universiti B		
	Peratus	Mod	Jam	Peratus	Mod	Jam
Tugasan Individu	60%	<i>F2F</i>		20%	<i>F2F</i>	2
		<i>NF2F</i>	17		<i>NF2F</i>	12
Tugasan Kumpulan	-	<i>F2F</i>		20%	<i>F2F</i>	1
		<i>NF2F</i>			<i>NF2F</i>	9
Pembentangan	-	<i>F2F</i>		30%	<i>F2F</i>	1
		<i>NF2F</i>			<i>NF2F</i>	9
Peperiksaan Akhir	40%	<i>F2F</i>	3	30%	<i>F2F</i>	2
		<i>NF2F</i>	15		<i>NF2F</i>	14
Jumlah	100%		35	100%		50

Selepas membuat perbandingan antara kedua-dua program SMPAKK yang ditawarkan oleh Universiti A dan Universiti B, pengkaji mendapati terdapat beberapa implikasi yang timbul. Antara implikasi yang timbul adalah tempoh masa, kos kepada pelajar dan kos kepada Universiti. Tempoh masa pengajian SMPAKK di Universiti A adalah selama empat hingga empat setengah tahun bergantung pada pengambilan kursus setiap semester. Terdapat pelajar yang mengambil masa pengajian melebihi 5 tahun disebabkan dengan kekangan masa dan kos pengajian pelajar. Lanjutan daripada itu, pelajar yang mengikuti program SMPAKK di Universiti A adalah lebih lama tempoh pengajian berbanding dengan di Universiti B. Pelajar Universiti B akan menghabiskan pengajian program tepat pada masanya iaitu tiga hingga empat tahun. Pelajar tidak dibenarkan menghabiskan pengajian lebih daripada tempoh masa yang ditetapkan kerana Universiti B mempunyai piawai program untuk memastikan kualiti program tercapai dan prestasi Universiti terjaga.

Selain itu, yuran pengajian pelajar yang mengikuti program SMPAKK di Universiti A adalah lebih rendah daripada yuran pengajian pelajar yang mengikuti program SMPAKK di Universiti B. Perbezaan yuran pengajian yang timbul di antara dua IPTS adalah Universiti A tidak perlu menyediakan penginapan pelajar dan fasiliti pusat yang lengkap berbanding dengan Universiti B. Berbanding dengan Universiti B, pihak IPT perlu menyediakan bangunan penginapan bagi pelajar yang baru mendaftar masuk, menyediakan pusat fakulti pengajian, aksesibiliti dan fasiliti sampingan untuk memudahkan pelajar mengikuti pengajian sepenuh masa. Kos pengurusan Universiti A adalah lebih menjimatkan berbanding dengan kos pengurusan Universiti B. Universiti A tidak memerlukan kakitangan pengajar tetap di semua pusat pembelajaran daerah lain kecuali ibu pejabat di Kuala Lumpur. Pusat pembelajaran daerah lain hanya memerlukan pengajar separuh masa berbanding dengan Universiti B memerlukan tenaga pengajar sepenuh masa. Melalui perbezaan pembayaran gaji tenaga pengajar sudah menunjukkan bahawa kos pengurusan Universiti A adalah lebih menjimatkan berbanding dengan Universiti B.

Kesimpulan

Perbandingan kurikulum PAKK peringkat sarjana muda antara dua institusi pengajian tinggi swasta telah menunjukkan perbezaan yang ketara dalam aspek penstrukturan penawaran program, mod pengajaran pembelajaran dan mod pentaksiran. Pelajar perlu bijak dalam memilih dan membuat perancangan sebelum mengikuti pengajian program di mana-mana IPT. Pelajar perlu bijak membuat belanjawan dengan tepat kerana setiap pengajian program memerlukan kewangan yang tinggi namun ianya adalah bergantung pada IPT yang dipilih. Selain kos kewangan, pelajar juga perlu membuat pertimbangan ke atas kekangan pengurusan masa dan komitmen sampingan pelajar. Pelajar harus mendaftar program pengajian yang diminati dan tidak membazir masa untuk mengikuti program pengajian semata-mata kerana hendak mengikuti trend semasa. Pelajar yang mengikuti pengajian program SMPAKK merupakan cabaran yang amat besar kerana mereka merupakan bakal memikul tanggungjawab yang berat dalam menerajui bidang PAKK. Nescaya, pengiktirafan yang pelajar perolehi dalam bidang SMPAKK pasti dapat membantu meningkatkan kualiti dan pencapaian PAKK di Malaysia.

Penghargaan

Para penyelidik ingin menitipkan penghargaan terhadap semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini tidak menggunakan apa-apa dana penyelidikan atau geran. Semua kos untuk kajian ini ditanggung oleh penyelidik sendiri. Penyelidik mengisytiharkan tiada konflik kepentingan hasil daripada kajian ini.

Rujukan

- Ans. (2020). Mengapa pendidikan awal kanak-kanak penting? <https://ans.edu.my/mengapa-pendidikan-awal-kanak-kanak-penting/>
- Anuar, A. F., & Ismail, M. J. (2021). Infusing dalcroze eurhythmics in improving singing skills among primary school students. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(1), 24–38. Retrieved from <https://qjssh.com/index.php/qjssh/article/view/27>
- Emen Parlatan, M., & Sığirtmaç, A. D. (2021). Preschool children's behaviours in competitive games: are these games really harmful to social-emotional development?. *Early Child Development and Care*, 1-13.
- Hazirah Hairia, N., Dzainudin, M., Pendidikan Awal Kanak-kanak, J., & Pembangunan Manusia, F. (2020). *Online Teaching and Learning for the Period of Movement Control Order. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)* (Vol. 9, pp. 2020–2038). Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Ismail, M.J., Chiat, L.F., Anuar, A.F. (2021). Learning music through rhythmic movements in Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 18(1): 241-263.
- Ismail, M.J., Anuar, A.F., Kamis, M.S. (2020). Divergent thinking in musically gifted practices: A review. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 1(5): 13-26.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2021). Buku pengurusan prasekolah. <https://mypendidik.com/buku-pengurusan-prasekolah-2021/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2021). Iklan permohonan program guru prasekolah. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/kenyataan-media/km2021-1/4174-kenyataan-media-pemakluman-iklan-permohonan-lepasan-spm-2020-ke-program-matrikulasi-sesi-ambilan-2021/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2021). Permohonan untuk mengikuti program guru prasekolah. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/kenyataan-media/km2021-1/4174-kenyataan-media-pemakluman-iklan-permohonan-lepasan-spm-2020-ke-program-matrikulasi-sesi-ambilan-2021/file>

- Md Jais, I., Azu, F.A. (2020). The significance of music to gifted students. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 1(4): 33-43.
- Md Jais, B.I., Rorlinda, Y., Loo, F.C. (2018). Proper musical activities during music instructional process for gifted and talented students in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH) 3(5): 30-40.
- Md Jais, B.I. (2017). The effectiveness of dalcroze music approach in enhancing musical coordination skill among Year 4 students in urban area. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH) 2(1): 54-65.
- Malaysian Qualifications Agency Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Program standards: *Early childhood education*. MQA (Agency's publications are available on our website: www.mqa.gov.my)
- Masnan, A. H., Anthony, N. E., & Zainudin, N. A. S. (2019). Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 33–41. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol8.5.2019>
- Metro. (2016, Ogos 30). *My Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/node/163016>
- Montessori, M. (1973). *Child's instinct to work*. Amsterdam: AMI Communications.
- Morrison, G. S. (2011). *Early childhood education today*. New Jersey: PEARSON.
- Muda @ Ismail, F. L., Ismail, A., Abdul Aziz, M. A., Abd Aziz, S., Sharom, N. Q., & Ramlan, S. R. (2018). Service Quality of Public Preschool Education in Malaysia: Perceptions of Parents. *Sains Insani*, 3(3), 28–37. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no3.69>
- Mutalib, N. A., Ismail, I. L. M., Tajuddin, A. J. A., & Sari, H. P. (2021). Tahap pencapaian aras kognitif pelajar kursus penghayatan etika dan peradaban ke arah melahirkan modal insan berpengetahuan. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 14(2).
- Norfazah Mohd Hamidin, Siti Nurhajariah Md Isa, Awatif Abdul Rahman, Idris Hamidi. (2017). *Pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia*. Selangor: Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS.
- Norly Jamil. (2019). Motivasi dan penceritaan digital interatif dalam pendidikan awal kanak-kanak. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699.
- Olmos-Gómez, M. D. C. (2020). Sex and careers of university students in educational practices as factors of individual differences in learning environment and psychological factors during COVID-19. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(14), 5036.
- Piaget, J. (1972). *The psychology of the child*. NY: Basic Books.
- Pusat Latihan Tenaga Pengajar. (2020). *Ijazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak* | www.pltp.my. Pltp. <https://www.pltp.my/ijazah-pendidikan-awal-kanak-kanak>.
- Sciaraffa, M. A., Zeanah, P. D., & Zeanah, C. H. (2018). Understanding and promoting resilience in the context of adverse childhood experiences. *Early childhood education journal*, 46(3), 343-353.
- Shiqah. (2019). Mengapa pendidikan awal kanak-kanak sangat penting? <https://preschool.klceducation.asia/ms/blogs/why-early-child-education-is-important%3F>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Massachusetts: Harvard University Press.
- Wigati, M., & Wiyani, N. A. (2020). Kreativitas guru dalam membuat alat permainan edukatif dari barang bekas. *As-Sibyan: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 5(1), 43. <https://doi.org/10.32678/as-sibyan.v5i1.2700>